

3 cara tingkat perumahan awam lama

KUALA LUMPUR: Kementerian Wilayah Persekutuan sedang mengkaji satu mekanisme paling sesuai untuk digunakan dalam usaha menaik taraf hampir 35,000 perumahan awam berusia 25 hingga 35 tahun di sekitar ibu kota.

Menterinya, Datuk Zulhasnan Rafique, berkata kajian dibuat membabitkan unit kediaman termasuk flet dengan hanya satu atau dua bilik di bawah seliaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Katanya, dalam mesyuarat yang diadakan Selasa lalu, kementerian membuat keputusan untuk melaksanakan projek penambahbaikan kediaman terbabit dengan apa cara sekalipun.

"Kita sedang meneliti tiga pilihan utama yang dikenal pasti, antaranya menambah bilangan bilik di kediaman terbabit kepada dua atau tiga bilik dan mengkaji sama ada ia akan dijual kepada pemilik yang layak atau terus disewakan.

"Kita juga mempunyai satu lagi kemungkinan iaitu jika didapati kawasan perumahan terbabit terlalu kotor dan sudah tidak sesuai untuk didiami, ia akan diserahkan kepada pemaju untuk dibangunkan projek perumahan baru melalui pelan pembangunan bandar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Kepong, di sini, semalam.

Beliau berkata, melalui pelan berkenaan penduduk di penempatan asal yang dirobohkan akan dipindahkan ke kawasan baru yang mempunyai infrastruktur yang lengkap dan diyakini lebih selesa untuk didiami.